

16 JUN 2003

MUSA-PAKEJ/I

SEKTOR SWASTA PERLU PROAKTIF MANFAATKAN INSENTIF PAKEJ EKONOMI, KATA
KETUA MENTERI SABAH

KOTA KINABALU, 16 Jun (Bernama) -- Kerajaan negeri Sabah mahu sektor swasta negeri berkenaan supaya menjadi proaktif dan agresif dalam memanfaatkan insentif dan dana yang ditawarkan dalam pakej ekonomi yang diumumkan bulan lepas.

Ketua Menteri Datuk Musa Aman berkata sektor swasta yang merupakan pemangkin dalam menjana pertumbuhan, dijangka menjadi pendorong dengan kukuh dan kreatif.

Beliau berkata sektor swasta sepatutnya menggunakan sepenuhnya Skim Mikro Kredit yang diperkenalkan dalam pakej ekonomi untuk terus memajukan perniagaan mereka dan membantu menjana pelaburan domestik.

Musa berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet negeri di sini hari ini.

Di bawah Skim Mikro Kredit, Bank Simpanan Nasional (BSN) akan memperuntukkan RM300 juta bagi usahawan industri kecil dan sederhana yang mahu mendapatkan pinjaman tidak lebih daripada RM20,000 bagi projek bukan pertanian, manakala Bank Pertanian Malaysia memperuntukkan RM500 juta bagi mereka yang menjalankan aktiviti pembuatan, pemprosesan dan pemasaran dalam sektor pertanian.

Musa berkata skim berkenaan tentunya akan membantu mengukuhkan ekonomi negeri.

Beliau berkata kerajaan negeri dan agensi di bawahnya akan membantu sektor swasta mendapatkan dana yang diperlukan bagi memperluaskan atau memulakan perniagaan mereka.

"Jika sektor swasta menghadapi kesukaran dalam proses permohonan dana atau insentif dalam pakej ekonomi tersebut, mereka boleh menghubungi kementerian negeri yang berkenaan untuk bantuan," kata beliau.

Pakej berjumlah RM7.3 bilion itu diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 21 Mei, mengandungi 90 langkah bagi mengukuhkan ekonomi negara.

Peranan penting sektor swasta bagi mewujudkan sumber baru pertumbuhan bagi merangsangkan ekonomi telah diberikan lebih penekanan dan keutamaan dalam pakej tersebut.

Musa, yang juga Menteri Kewangan Negeri, berkata pakej tersebut menyediakan pelbagai langkah, insentif dan dana bagi sektor pertanian, pelancongan, pembuatan, pembinaan, hartanah, pendidikan dan kesihatan.

"Dengan demikian, saya menyarankan agar sektor swasta dalam negeri ini supaya mendapatkan dengan segera dana dan insentif yang disediakan itu," katanya.

Sementara itu, Musa berkata kerajaan negeri bersetuju untuk mengguna pakai Pelan Bertindak Perindustrian Sabah (SIAP) menggantikan Pelan Induk Perindustrian Sabah (SIMP).

Ini adalah kerana SIMP didapati sukar untuk dilaksanakan memandangkan ia memberi lebih tumpuan terhadap perancangan jangka panjang manakala SIAP merupakan pelan meluas yang memberi penekanan kepada strategi yang berorientasikan tindakan bagi melaksanakan program perindustrian negeri. --
BERNAMA

NT FR NHD